

Ceramah Ustaz Don mendapat sambutan

KOTA SAMARAHAN: De-tar Putra Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dipenuhi dengan para pelajarnya dan penduduk sekeliling bagi mendengar ceramah daripada penceramah terkenal Ustaz Don Daniyal Don Biyajid pada Sabtu lepas.

Lebih dikenali sebagai Ustaz Don, penceramah berumur 28 tahun itu cukup terk-

enal dengan cara penyampaian ceramah yang menarik dan sering muncul dalam program televisyen.

Ceramah bertajuk 'Inspirasi Remaja Islam' itu adalah anjuran para pelajar kejuruteraan universiti tersebut yang bertujuan membentuk sahsiah para pelajar supaya mahir dalam hal-hal keagamaan dan akademik.

Pengarah Program Norimah Sailan berkata beliau amat berpuas hati dengan sambutan terhadap acara tersebut.

"Kami amat berbesar hati dengan kehadiran yang ramai ke acara ini dan berharap agar dapat meneruskan program sebegini bagi manfaat para pelajar dan masyarakat sekeliling," ujarnya.



KHAS UNTUK ANDA: Profesor Dr Wan Hashim (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ustaz Don selepas selesai ceramah.